

22 JUN 2002

Syed Hamid-NAM/I

MALAYSIA BERHARAP PERGERAKAN BERKECUALI LEBIH RELEVAN

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Malaysia mahu menjadikan Pergerakan Berkecuali (NAM) yang berusia 50 tahun lebih relevan dalam dunia global pada abad ke 21.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, inilah yang menjadi matlamat Malaysia apabila ia mengambil alih jawatan pengerusi NAM dan menjadi tuan rumah sidang kemuncak ketua-ketua negara pada Februari depan.

Menteri-menteri Luar pergerakan itu meminta Malaysia untuk mengetuai perkumpulan itu pada tahun depan apabila mereka bertemu di Durban, Afrika Selatan, bulan lepas.

Selepas sahaja delegasi Malaysia kembali dari Durban, Wisma Putra akan menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mula merancang aturcara sidang kemuncak ketua-ketua negara itu, katanya dalam satu temubual malam semalam.

Syed Hamid Albar berkata Wisma Putra akan menyampaikan taklimat terperinci mengenai perkembangan terbaru dalam persediaan bagi persidangan itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam beberapa minggu lagi.

Beliau berkata Malaysia juga telah memilih satu tema yang akan menaikkan lagi imej pertubuhan itu.

NAM bersama 114 anggota, yang mewakili lebih kurang dua pertiga daripada saiz Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mempunyai potensi.

Tetapi, kata beliau, potensi itu perlu diambil kesempatan.

"Kita akan memilih tema arah masa depan Pergerakan Berkecuali dalam dunia global dan era dunia tidak bersempadan. Ia masih relevan dan masih mempunyai peranan dalam menghadapi abad ke 21?"

Sementara politik adalah penggerak utama bagi NAM, Syed Hamid berkata ia adalah penting bagi badan itu memainkan peranan dalam perdagangan, pelaburan dan ekonomi.

-- BERNAMA

SMO ARA PR